

06/10/2003

Malaysia rugi jika biarkan `kekayaan' Segenting Kra

Ramzan Muda

PADA Julai 1997, Asia gempar dan menghadapi zaman kegelapan kerana penyangak mata wang Barat diketuai George Soros menikmati laba berganda berbilion-bilion dolar. Era baru Asia hancur musnah, globalisasi dan dunia tanpa sempadan cadangan Barat mempunyai agenda tersembunyi.

Suara tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegak kebenaran diperlecehkan. Namun, ubat ajaib tercipta setahun kemudian, Malaysia bangkit bertaring dan membuktikan kepada dunia taktik kotor sesetengah pihak bagi menghancurkan dan menjajah rantau ini.

Kita bukan saja mempunyai Wawasan 2020, malah wawasan untuk keadilan ekonomi dunia sejagat. Malaysia kini berani ke depan memperjuangkan dunia tanpa sempadan bagi penghijrahan pekerja dari dunia membangun ke negara maju, penggunaan dinar Islam, isu Palestin dan keganasan antarabangsa.

Kita bersimpati dengan negara sahabat seperti Indonesia yang masih bergelut untuk bangkit. Apa lagi kalau disebut nama negara jiran yang jauh sedikit seperti Kemboja, Myanmar dan Filipina. Malaysia seharusnya melakukan tugas besar untuk memakmurkan jirannya.

Rantau ini adalah rantau yang paling strategik di dunia. Kerana itulah pihak asing begitu rakus menjajah kita dengan pelbagai cara.

Salah satu caranya ialah Kerajaan Malaysia patut turut membantu Thailand merealisasikan segera pembinaan terusan Segenting Kra. Seingat saya, sebelum serangan ekonomi Julai 1997, Kerajaan Malaysia dan Indonesia menandatangani perjanjian pembinaan jambatan terpanjang di dunia antara Melaka dan Pulau Sumatera. Thailand sudah menyatakan hasrat membina terusan Segenting Kra selepas ura-ura pembinaan terusan sejak setengah abad lalu lagi.

Ini menunjukkan betapa kuat dan gagahnya ekonomi harimau baru Asia sebelum dirosakkan Soros. Ketika itu, tiga negara ini boleh berdiri sendiri dan berjaya mengganggu gugat dua lubuk emas Barat iaitu Hong Kong dan Singapura.

Kedua-dua lubuk emas ini tidak boleh bertahan lama kerana emas sebenar berada di tempat lain. Tanah Semenanjung dan kawasan utara sekitarnya meliputi selatan Filipina, selatan Indochina, selatan Thai, selatan Myanmar dan utara Sumatera (Aceh) adalah paling berpotensi menjadi rantau strategik di rantau ini. Kedudukan geografinya di tengah-tengah dunia dan menjadi laluan kapal Timur dan Barat. Ini ditambah apabila terusan pintas di Segenting Kra dibina yang dapat memendekkan perjalanan kapal kira-kira 1,000 batu nautika.

Tidak hairanlah mengapa Malaysia begitu dicemburui dan menjadi sasaran kuasa asing untuk campur tangan dalam urusan kita. Sama ada suka atau tidak, negara kita berpotensi menjadi negara yang paling makmur.

Sedar atau tidak, rantau strategik laluan baru kapal yang tidak stabil, sudah dan sedang diganggu gugat seperti selatan Filipina, selatan Indochina, selatan Thai, selatan Myanmar dan utara Sumatera (Aceh).

Kita tidak pernah terfikir campur tangan ejen asing dalam pergerakan militan di utara Sumatera, selatan Thailand dan Filipina; pemuluan kerajaan tentera Myanmar oleh Barat atas alasan tidak melaksanakan demokrasi; peperangan di Kemboja serta kejatuhan ekonomi April 1997 di Malaysia, Thailand dan Indonesia untuk menguasai rantau ini.

Berbalik kepada pembinaan terusan itu, eloklah ia dibina secara berkembar dan merentas Songkla. Rasional pembinaan terusan berkembar membolehkan laluan kapal dari Timur dan Barat berjalan serentak tanpa

perlu mengikut jadual jika dibina terusan tunggal seperti Terusan Suez.

Pembabitan Malaysia dalam pembinaan terusan boleh dibuat dalam beberapa cara. Pertama, Malaysia boleh membina terusan itu secara sukarela dengan pembabitan syarikat pembinaan tempatan atas alasan bantuan ehsan kepada Thailand demi kemajuan rantau Asean.

Kedua, dengan membiayai sebahagian kos kewangan pembinaan terusan berkenaan dengan pemberian dana kewangan oleh bank tempatan Malaysia.

Faktor utama mengapa pembinaan terusan berkembar rentas Songkla amat diperlukan ialah:

* Untuk memajukan ekonomi kawasan rantau antara Filipina Selatan, Indochina Selatan, Thailand Selatan, Sabah, utara Semenanjung Malaysia, selatan Myanmar dan utara Sumatera. Kos buruh rendah sesuai untuk tapak industri baru dan penubuhan pelabuhan enterport bebas.

* Penutupan Selat Melaka kepada laluan kapal antarabangsa kerana risiko ancaman bencana pencemaran air yang amat dahsyat daripada tumpahan minyak. Kawasan selat ini yang sempit, cetek dan kaya dengan khazanah laut perlu dipu- lihara.

Selat Melaka yang tenang lebih sesuai untuk industri akuakultur di tengah laut, kawasan yang cetek boleh ditebus guna untuk pembinaan pulau buatan serta pembinaan kota raya terapung di atas laut.

Kegawatan ekonomi walaupun membawa negara harimau baru Asia 30 tahun ke belakang, ia memberikan senjata penting kepada Malaysia untuk terus ke depan dan berperanan sebagai peneraju serta menulis semula sejarah dunia dengan langkah membina terusan dunia yang baru.

Malaysia sudah tidak mempunyai masa terluang untuk hanya memerhati. Malaysia patut fikirkan prospek dirinya dan negara sahabat lain atau menunggu masa negara Barat menjajah secara langsung atau tidak langsung rantau ini. Biarkan semua orang tahu siapakah Malaysia sebenar di mata dunia.

RAMZAM MUDA,
Kuala Terengganu, Terengganu.